

EDITORIAL

Ketamadunan Bangsa dan Kesantunan Bahasaⁱ

Indirawati Zahid

Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

ABSTRAK - Ketamadunan sering kali diasosiasikan dengan kemajuan fizikal sesebuah negara. Pandangan ini tidak bersifat holistik kerana ketamadunan seharusnya dilihat berdasarkan kombinasi maju fizikal, mental dan rohani anggota masyarakat. Fizikal, mental dan rohani mesti seimbang dalam konteks ini. Maju mental dan rohani ini berkaitan dengan kesantunan berbahasa yang menjadi isu dari semasa ke semasa dalam kalangan anggota masyarakat. Perkembangan teknologi semasa yang menyediakan platform perkongsian maklumat di media sosial mempamerkan masyarakat yang "sakit" apabila kesantunan berbahasa tidak dipraktikkan. Terdapat segelintir anggota masyarakat yang tidak mempraktikkan peraturan linguistik, sosiolinguistik dan pragmatik apabila berkomunikasi yang menyebabkan situasi berkonflik wujud. Di Malaysia, isu ini dianggap serius. Bagi membendung masalah ini, Parlimen Malaysia telah menggubal undang-undang yang dirujuk sebagai Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] dan beberapa Akta lain yang berkaitan dengan penggunaan bahasa dan cakupan maknanya kepada masyarakat di media sosial. Penggunaan bahasa ini berkaitan dengan kesantunan berbahasa. Kegagalan anggota masyarakat dalam mempraktikkan kesantunan berbahasa ini bertitik tolak daripada tindakan dan pilihan anggota masyarakat sendiri. Ini kerana dasar pendidikan dan kitab suci dalam mana-mana agama pun sememangnya mengajar penganutnya untuk mewujudkan suasana bebas konflik. Suasana bebas konflik dapat diwujudkan apabila anggota masyarakat mengamalkan kesantunan berbahasa. Lanjutan itu, kesedaran akan perlunya kesantunan berbahasa harus dilakukan dari semasa ke semasa bagi mengelakkan konflik dalam negara yang juga tidak mustahil akan tersebar di luar negara sekiranya gagal dibendung.

Civilization of Nations and Language Politeness

ABSTRACT – Civilization is often associated with the physical progress of a nation. This perspective is not holistic because civilization should be evaluated based on a combination of physical, mental, and spiritual advancement of the members of society. Physical, mental, and spiritual aspects should be in balance in this context. Mental and spiritual progress is closely related to language politeness, which periodically becomes an issue among community members. The current technological advancements that provide information-sharing platforms on social media highlight a society that is 'ailing' when language politeness is not practiced. There are some community members who do not adhere to linguistic, sociolinguistic, and pragmatic rules when communicating, leading to the emergence of conflict situations. In Malaysia, this issue is taken seriously. To address this problem, the Malaysian Parliament has enacted laws referred to as the Communication and Multimedia Act 1998 [Act 588] and several other related Acts that regulate the use of language and its interpretation in social media among the public. The use of language is related to language politeness. The failure of community members to practice language politeness stems from their own actions and choices. This is because educational policies and religious scriptures in any faith indeed teach their followers to foster a conflict-free situation. A conflict-free situation can be established when community members practice language politeness. Furthermore, awareness of the necessity of language politeness should be periodically promoted to prevent conflicts within the country, which might potentially spill over beyond its borders if left unaddressed.

ARTICLE HISTORY

Received : 26 October 2023
Revised : 3 November 2023
Accepted : 5 November 2023
Published : 8 November 2023

KATA KUNCI

Bahasa
Holistik
Kesantunan bahasa
Tamatun

KEYWORDS

Civilization
Holistic
Language politeness
Nations

PENGENALAN

Isu kewujudan anggota masyarakat yang kian mengabaikan kesantunan berbahasa telah menjadi antara topik perbincangan yang sentiasa ada dari semasa ke semasa. Ini diperkukuh dengan paparan klip berita yang tular sama ada dalam media bercetak, elektronik dan media sosial (Hariyati, 2019; Qarami, 2020; Kenapa generasi muda semakin hilang adap?, 2023). Paparan berita seperti ini apabila diteliti memperlihatkan dua perspektif yang berbeza. Pada sisi positifnya berita seperti ini dapat dijadikan pengajaran dan pembelajaran (PdP) akan batas bicara dalam kehidupan bermasyarakat. Sementara itu pada sisi negatifnya, masyarakat dapat dianggap “sakit” dan tidak bertamadun kerana mempunyai amalan hidup yang cenderung mewujudkan suasana berkonflik.

Perihal gambaran masyarakat yang bertamadun ini bertitik tolak daripada pandangan Awang (2015) yang menyatakan bahawa kesantunan bahasa menjadi salah satu ciri penting bangsa yang bertamadun. Tamadun ditakrifkan dengan empat makna polisemi iaitu:

- 1) Keadaan atau tingkat kehidupan yang maju dari segi fizikal, mental dan rohani.
- 2) Negara dan penduduknya yang telah mencapai taraf kemajuan kebendaan serta perkembangan pemikiran sosial, budaya, politik dll yang tinggi.
- 3) Cara hidup atau budaya sesuatu bangsa, negara, zaman dan sebagainya yang dianggap serba maju.
- 4) Keadaan pemikiran budaya dan moral yang halus.

(Kamus Dewan Perdana (KDP), 2021, 226)

Berdasarkan takrifan yang dinyatakan, persoalan yang boleh ditimbulkan berkaitan hal ini adalah “sudahkah bertamadun masyarakat kita pada hari ini?”. Jika jawapannya, iya; maka status iya atau sudah ini sebaiknya dirincikan bagi mengenal pasti tahap ketamadunan yang telah dicapai tersebut. Selaras dengan penyataan ini, iaitu antara ciri penting bangsa yang bertamadun maka aspek kesantunan ini tidak boleh dipandang remeh.

Kesantunan menurut *Longman Dictionary of Language Teaching & Applied Linguistics* (2002, p. 416) ditakrifkan antara lainnya dengan dua intipati persoalan, iaitu pertamanya, bagaimana bahasa menyatakan jarak sosial antara penutur dan hubungan peranan mereka yang berbeza?; dan keduanya, bagaimana “muka bekerja” dalam percubaan untuk mewujudkan, mengekalkan, dan menyelamatkan muka semasa perbualan yang dijalankan dalam komuniti pertuturan? Takrifan yang berbentuk persoalan ini memberikan maklumat kepada perujuk bahawa kesantunan ini bersifat subjektif yang tentunya dikawal oleh budaya masyarakat penutur (Asmah, 2000, 2002; Tenas, 2012, Indirawati, 2018a, 2018b). Tiga perkara utama, iaitu ciri penting bangsa yang bertamadun, takrifan tamadun dan dua persoalan takrifan kesantunan ini akan dapat menjawab situasi tahap ketamadunan bangsa dengan memaparkan realiti masyarakat pada hari ini.

KETAMADUNAN BANGSAN DAN KESANTUNAN BERBAHASA


Ketamadunan bangsa yang takrifan pertamanya dikaitkan dengan kemajuan fizikal, mental dan rohani memperlihatkan bahawa ketamadunan diukur dengan tiga aspek ini. Sementara itu, tiga makna yang selebihnya merupakan penguraian rinci pada takrifan yang pertama.

Dalam konteks negara Malaysia, ketamadunan yang diukur dengan pencapaian kemajuan fizikal sememangnya telah dicapai. Kemajuan dalam negara seperti adanya kemudahan infrastruktur yang canggih telah ada sejak sekian lama. Ini dapat dibuktikan dengan ada Light Railway Transit (LRT), Monorail, Mass Rapid Transit (MRT) bagi sektor pengangkutan, capaian Internet yang agak baik bagi sektor telekomunikasi, tersenarai antara negara yang memiliki bangunan tertinggi di dunia bagi sektor pembangunan dan banyak lagi. Sebaliknya dua aspek yang menjadi persoalan pencapaianya adalah aspek mental dan rohani yang dapat diperlihatkan dalam Rajah 1.

Rajah 1 memperlihatkan bahawa tamadun dengan maksud maju pada mental dan rohani mestilah seimbang dengan mengamalkan amar makruf nahi mungkar, iaitu perintah yang menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkar. Hal ini dikaitkan dengan ajaran Islam oleh Tenas (2011) dan Awang (2015). Perlakuan melakukan kebaikan dan menyekat diri daripada melakukan keburukan tidak hanya diperintahkan dalam Islam, sebaliknya semua agama dalam dunia ini menekankan perkara yang sama melalui kitab suci mereka seperti Bible bagi agama Kristian, Veda bagi agama Hindu dan kitab-kitab suci agama yang lain (Indirawati, 2021). Amalan perlakuan yang sebegini menjadi asas pada pemikiran budaya dan moral yang halus dalam bermasyarakat yang mewujudkan suasana bebas konflik. Lanjutan itu, dalam memastikan pemikiran budaya dan moral ini dapat diaplikasi dalam kehidupan bermasyarakat, Asmah (2000) dan Awang (2015) telah membincangkan hal berkaitan dengan tiga peraturan yang mesti dititiberatkan dalam berbahasa.

Bangsa yang santun bahasanya mesti mematuhi peraturan yang ditetapkan, iaitu peraturan linguistik, sosiolinguistik dan pragmatik (Asmah, 2000; Awang, 2015). Kepatuhan pada tiga peraturan ini akan mewujudkan bangsa yang harmoni, iaitu bebas konflik. Peraturan linguistik bermaksud peraturan penggunaan bahasa yang menitikberatkan ketepatan bentuk dan binaan tatabahasa merangkumi antaranya ejaan, binaan ayat, pemilihan kata, intonasi dan sebutan. Peraturan ini lazim terpakai dalam suasana yang rasmi bagi kesempurnaan majlis, iaitu bagi mewujudkan darjah saling memahami yang tinggi antara khalayak yang hadir. Ini bererti tidak berlaku jurang komunikasi, iaitu gangguan semantik. Dalam hal ini, gangguan semantik merupakan gangguan kefahaman yang berlaku apabila komunikasi yang berlangsung menggunakan

kata-kata yang tidak dapat difahami maknanya oleh khalayak (West & Turner, 2021). Penggunaan dialek geografi, slanga, jargon, bahasa rojak (campur kod) dan sebagainya dapat menjadi punca kepada situasi ini.



Rajah 1. Korelasi takrifan tamadun.

Sementara itu, peraturan sosiolinguistik melibatkan peraturan penggunaan bahasa yang menitikberatkan hubungan sosial pembicara dan pendengar (dalam konteks lisan); dan antara penulisan dan pembaca (dalam konteks tulisan). Hal yang sama dinyatakan oleh Tenas (2011) dalam bahasa yang tiga, iaitu bahasa mendaki, bahasa menurun dan bahasa mendatar. Perkara yang berkaitan dengan peraturan sosiolinguistik ini adalah penggunaan kata sapaan yang betul, iaitu mencakupi kata ganti diri dan kata panggilan hormat yang ditentukan oleh sistem dalam masyarakat. Dalam hal ini, susun lapis masyarakat yang berhubungan dengan taraf sosial dalam bermasyarakat menjadi faktor peraturan ini dititikberatkan.

Terakhir, peraturan pragmatik yang merujuk pada peraturan yang menekankan penggunaan bahasa yang perlu disesuaikan dengan tujuan komunikasi. Ini berkaitan dengan penggunaan bahasa yang sopan dan berkesan. Peraturan ini antara lainnya melibatkan pemilihan kata, ungkapan dan wacana yang sesuai dengan tujuan pembicara seperti wacana jenis penceritaan, penghujahan dan pembujukan. Misalnya penggunaan kata memohon berbanding dengan kata meminta, kata ampun berbanding dengan kata maaf, kata mengundang berbanding dengan kata menjemput, kata kesudian berbanding dengan kata sanggup atau kesanggupan, kata menyantuni berbanding dengan kata mengasihani, mengasihi, membantu, menyokong dalam konteks linguistik tertentu dan sebagainya.

Peraturan yang diuraikan di atas ternyata kurang diaplikasi oleh sesetengah khalayak penutur bahasa Melayu. Ini dibuktikan dengan terdapatnya banyak situasi yang menyebabkan konflik berlaku dalam komunikasi sehari-hari pada pelbagai platform. Ketiga-tiga peraturan ini sebaiknya menjadi amalan dalam kalangan anggota masyarakat bagi mewujudkan suasana bebas konflik. Sungguh pun peraturan linguistik lebih cenderung digunakan dalam suasana rasmi, atas penggunaan bahasa yang mematuhi nahu sewajarnya menjadi amalan dalam apa juga suasana komunikasi.

KESEIMBANGAN MENTAL DAN ROHANI ASAS KETAMADUNAN BANGSA

Ketamadunan bangsa tidak seharusnya hanya diukur dengan kemajuan fizikal dalam negara. Ketamadunan bangsa harus dilihat secara holistik, iaitu masyarakat yang mendiami sebuah negara yang mempunyai keseimbangan mental dan rohaninya. Dalam konteks Malaysia, keseimbangan mental dan rohani tidak keterlaluan jika dikatakan masih belum seimbang secara menyeluruh. Situasi ini menjadi lebih tenat apabila perkembangan teknologi semasa dengan tersedianya media sosial yang telah menjadi medan untuk perkongsian pelbagai berita dengan kadar kepentasan yang luar biasa. Media sosial menurut *Cambridge Dictionary* (n.d.) ialah laman sesawang dan program komputer yang membolehkan orang ramai berkomunikasi dan berkongsi maklumat di Internet menggunakan komputer atau telefon bimbit. Sementara

Internet menurut Merriam-Webster (n.d.) ialah jaringan komunikasi elektronik yang menghubungkan jaringan komputer dan fasilitas komputer organisasi di seluruh dunia. Kedua-dua takrifan ini dapat disimpulkan merujuk pada satu sistem rangkaian komunikasi dalam talian yang dapat menghubungkan para pengguna dari serata dunia. Oleh kerana semua maklumat atau apa-apa sahaja berita yang dimuat naik di Internet dapat dengan mudah diakses dalam dunia komunikasi tanpa sempadan pada hari ini, pengukuran ketamadunan bangsa dapat dilihat dalam konteks ini.

Pemerhatian terhadap kesantunan berbahasa di media sosial telah memperlihatkan bahawa pengguna teknologi agak kurang mempraktiskan kesantunan dalam hantaran yang hendak dikongsi dengan khalayak yang ramai. Kelihatannya pengguna media sosial bebas memberikan pendapat tanpa mempeduli dan memikirkan khalayak yang membaca hantaran yang dilakukan. Dalam konteks di Malaysia, bagi menangani isu seperti ini, Parlimen Malaysia telah menggubal undang-undang siber (<https://www.mcmc.gov.my/ms/legal/acts>) untuk mengawal selia penggunaan media sosial melalui pelbagai akta, antaranya Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588], akta ini mempunyai sejumlah 282 seksyen; Akta Jenayah Komputer 1997 [Akta 563]; Akta Hasutan 1948 [Akta 15]; Akta Fitnah 1957 [Akta 286]; serta Kanun Kesejahteraan [Akta 574]. Undang-undang ini bertujuan membendung masalah ketidaksantunan berbahasa yang berimplikasi buruk seperti paparan petikan berita yang dalam Rajah 2.

Tiga kali hina Agong, penganggur dijel setahun

Oleh NIZULSHAM SHAMSUDDIN 24 September 2021, 3:57 pm



KUALA LUMPUR – Perbuatan seorang lelaki yang tidak serik mengulangi kesilapan sama iaitu menghina Yang di-Pertuan Agong di media sosial, mengundang padah apabila dihukum penjara lagi selama setahun dan denda RM20,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini hari ini.



Seorang penganggur didenda RM9,500 di Mahkamah Sesyen di sini hari ini selepas mengaku bersalah atas per tuduhan membuat komen jelik terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menggunakan aplikasi Twitter, Disember tahun lalu.

Rajah 2. Petikan berita mengenai tindakan kepada pesalah.

Rajah 2 pada paparan pertama memperlihatkan hukuman yang diterima oleh pesalah yang ternyata tidak insaf atas kesalahan yang dilakukan. Paparan pertama memperlihatkan bahawa pesalah telah melakukan kesalahan yang sama sebanyak tiga kali manakala paparan berita kedua memperlihatkan kesalahan membuat komen yang jelik kepada Perdana Menteri Malaysia semasa itu. Perbuatan pesalah-pesalah ini semestinya dibendung kerana hantaran yang dilakukan ini dibaca dan dikongsi oleh khalayak ramai tanpa batasan usia, pendidikan dan latar belakang. Implikasi pada situasi ini, sama ada secara langsung ataupun tidak, akan mempengaruhi pengguna bahasa dengan perbuatan ini. Kesemua ini tentu sahaja bertitik tolak daripada kurang atau tiada pengetahuan berkaitan peraturan linguistik, sosiolinguistik dan pragmatik.

Dalam hal ini, kerajaan Malaysia tidak hanya mengenakan hukuman ke atas pesalah sebagai pengajaran, sebaliknya pengajaran juga diberikan melalui poster bagi mendidik khalayak agar tidak melakukan jenayah siber. Jenayah siber ini digunakan oleh pengguna media sosial dalam hantaran mereka pada platform yang tertentu. Rajah 3 yang berikut memperlihatkan poster yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).



Rajah 3. Contoh poster untuk mendidik khalayak ramai.

Rajah 3 memperlihatkan poster berkaitan *body shaming* atau ejekan tubuh yang implikasinya amat buruk kepada mangsa. Dalam hal ini *body shaming* yang dilakukan boleh sahaja dalam bentuk bahasa verbal maupun tidak verbal yang dapat menimbulkan rasa aib kepada mangsa. Antara ungkapan yang lazim didengar atau digunakan dalam perbuatan

ini adalah “Hitamnya orang tu”, “Kenapa kurus sangat macam tak cukup makan”, “Kau diri depan sekali sebab paling pendek” (Faizatul Farhana, 2019). Ungkapan-ungkapan ini walau kadang kala dianggap satu gurauan tetapi gurauan tersebut kadang kala juga menimbulkan aib apabila dinyatakan di hadapan khalayak ramai. Hal seperti ini boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) yang antara lain menetapkan kesalahan, iaitu memulakan penghantaran apa-apa komen, permintaan, cadangan atau komunikasi lain yang lucuah, sumbang, palsu, mengancam atau jelik sifatnya dengan niat untuk menyakitkan hati, menganiaya, mengugut atau menganggu orang lain (<https://www.mcmc.gov.my/ms/legal/acts>).

Masyarakat yang bertamadun, seimbang mental dan rohaninya tentulah tidak akan melakukan perkara ini. Kesantunan berbahasa tentu sahaja akan dijaga bagi mewujudkan situasi bebas konflik. Walau bagaimanapun, realitinya ini tidak berlaku. Ini diperkuuh dengan perbincangan sebelum ini bahawa Parlimen Malaysia telah menggubal undang-undang untuk perkara ini. Secara logiknya, sekiranya perbuatan ini tidak menimbulkan ancaman dalam negara dan mungkin juga ke luar negara, undang-undang seperti ini tidak akan digubal. Dalam hal ini, dasar pendidikan negara tidak boleh dipersalahkan kerana sebagaimana yang dikatakan oleh Za’ba (2009), perangai bergantung kepada diri sendiri.

KESIMPULAN

Ketamadunan bangsa tidak seharusnya diukur berdasarkan kemajuan fizikal yang dimiliki oleh sesuatu bangsa di sebuah negara. Ketamadunan bangsa seharusnya dilihat secara holistik, iaitu mencakupi mental dan rohani anggota masyarakat negara yang dirujuk. Dalam konteks negara Malaysia, ketamadunan masih lagi belum dicapai sepenuhnya kerana terdapat dalam kalangan anggota masyarakat yang dianggap “sakit” apabila tidak memperkenan perilaku yang santun berbahasa baik secara dalam talian atau pun tidak. Kegagalan untuk santun berbahasa memberikan implikasi buruk bukan sahaja kepada orang perseorangan dan kelompok masyarakat malahan dapat merebak ke peringkat yang lebih luas, iaitu negara. Dalam hal ini Parlimen Malaysia telah menggubal undang-undang yang sesuai bagi membendung masalah yang berlaku. Kegagalan mendidik masyarakat seharusnya tidak diletakkan pada dasar pendidikan yang sedia sebaliknya isu yang berlaku ini adalah kerana tindakan dan pilihan sendiri anggota masyarakat yang tersebut. Lanjutan itu kesedaran untuk santun berbahasa harus diwujudkan dari semasa ke semasa bagi menangani isu ini.

RUJUKAN

- Asmah Haji Omar. (2000). *Wacana Perbincangan, Perbahasan dan Perundingan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2002). *Setia dan Santun Bahasa*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Awang Sariyan. (2015). *Santun Berbahasa Edisi Kedua*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cambridge Dictionary. (n.d.). Social media. In dictionary.cambridge.org/dictionary/english/social-media. Retrieved October 27, 2023 from <https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/social-media>
- Faizatul Farhana Farush Khan . (2019, Disember 18). Henti mempersendakan fizikal orang lain. *BH Online*. <https://www.bharian.com.my/renanca/komentar/2019/12/639658/henti-mempersendakan-fizikal-orang-lain>
- Hariyati Ariffin (2019, November 18). Bahasa kurang sopan ubah cara komunikasi remaja masa kini. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/57798/khas/pendapat/bahasa-kurang-sopan-ubah-cara-komunikasi-remaja-masa-kini>
- Indirawati Zahid & Nasihah Hashim. (2018a). Strategi dan struktur kesantunan Melayu dalam kritikan Mentor: Rancangan realiti televisyen. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 18(2), 134-153.
- Indirawati Zahid & Arina Johari. (2018b). Kesantunan Melayu: Analisis konteks perbualan dalam rancangan bual bicara. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 18(4), 168-185.
- Indirawati Zahid. (2021). *Makna: Konsep dan Komunikasi*. Penerbit Universiti Malaya.
- Kamus Dewan Perdana. (2021). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kenapa generasi muda semakin hilang adab? (2023, Febuari 14). <https://www.agendadaily.com/isu-semasa/kenapa-generasi-muda-semakin-hilang-adab/>
- Longman Dictionary of Language Teaching & Applied Linguistics, 3rd Edition. (2002). Edinburgh Gate, Harlow CM20 2JE: Pearson Education Limited.
- Merriam-Webster. (n.d.). Internet. In [Merriam-Webster.com.dictionary](https://www.merriam-webster.com/dictionary/Internet). Retrieved October 27. 2023, from <https://www.merriam-webster.com/dictionary/Internet>
- Qarami Hashim (2020, Disember 10). Zizi Kirana ‘sound’ netizen biadab, naik seram baca komen kurang ajar - “Mereka ni macam tak pernah diajar apa itu adab”. <https://www.mstar.com.my/spotlight/hiburan/2020/12/10/zizi-kirana-03sound039-netizen-biadab-naik-seram-baca-komen-kurang-ajar---mereka-ni-macam-tak-pernah-diajar-apa-itu-adab>
- Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia. (2023, October 27). *Perundangan*. <https://www.mcmc.gov.my/ms/legal/acts>

- Tenas Effendy. (2011). *Kesantunan dan semangat Melayu*. Pekanbaru: Pemerintah Kota Pekanbaru & Tenas Effendy Foundation.
- Tesaurus Bahasa Melayu Dewan. (2010) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- West, R. & Turner, L. (2021). *Introducing communication theory: Analysis and application, 7th Edition*. McGraw-Hill Education.
- Za'ba. (2009). *Perangai bergantung pada diri sendiri*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nota

IJLEAL Jilid ke-10 yang mengandungi manuskrip bertajuk ‘Kesantunan Positif dalam Bahasa Iklan Komersial’ hasil penulisan Profesor Madya Dr. Indirawati Zahid (dari Universiti Malaya) telah merangkul Anugerah Penghargaan oleh Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) 2022. Justeru, penulis dijemput khas untuk berkongsi kepakaran di ruangan Editorial isi ini.

IJLEAL Volume 10 includes the manuscript entitled ‘Positive Politeness in Commercial Advertising Language’, written by Associate Professor Dr. Indirawati Zahid (from Universiti Malaya), has won an Appreciation Award from the Malaysian Scholarly Publishing Council (MAPIM) 2022. The writer is, therefore, invited to share her expertise in the Editorial column of this issue

¹ Artikel ini telah diperkemas kandungannya daripada slaid ucaptama yang disampaikan dalam Webinar Titian Ketamadunan Melayu Peringkat Serantau 2022 pada 4 Februari 2022. Webinar ini anjuran Institut Pendidikan Guru, Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan, Sarawak.